

# **ARAHAN AMALAN**

*Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia*

**TAHUN 2021**

## KANDUNGAN ARAHAN AMALAN TAHUN 2021

	TAJUK	MUKA SURAT
1.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2021</b> PINDAAN ARAHAN AMALAN NO.2 TAHUN 2014: GARIS PANDUAN PENULISAN TEKS PENGHAKIMAN <b>(BACA BERSAMA AA 2/2014)</b>	<b>1</b>
2.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2021</b> GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PROSIDING KES MAL DI MAHKAMAH SYARIAH MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH	<b>3</b>
3.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2021</b> TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING KES DI MAHKAMAH SYARIAH SELEPAS PERPINDAHAN KELUAR HAKIM BICARA	<b>4</b>
4.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2021</b> GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN PENYAMPAIAN TINDAKAN BERSALING BAGI PERINTAH DAN PENGHAKIMAN DALAM KES MAL <b>(BACA BERSAMA AA 6/2010)</b> <b>(BATALKAN Perenggan (ii), (iii) dan (iv) AA 10/ 2005)</b>	<b>16</b>
5.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2021</b> TATACARA PENYERAHAN PERINTAH BERKAITAN DENGAN KES MAL KEPADA PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MELAKSANAKAN PERINTAH TANPA KEHADIRAN ATAU TIDAK DIWAKILI (KETIKA PERINTAH/ PENGHAKIMAN DIBERIKAN MAHKAMAH) BAGI TUJUAN PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH/PENGHAKIMAN	<b>30</b>
6.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2021</b> AMALAN PENGESAHAN TALAQ DI LUAR DAN TANPA KEBENARAN MAHKAMAH SERTA PENJELASAN TERHADAP KEENGGANAN BERSUMPAH ( <i>NUKUL</i> ) <b>(BATALKAN AA 6/ 2019)</b>	<b>33</b>
7.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2021</b> PEMAKLUMAN KEPADA ISTERI/ ISTERI-ISTERI SEDIA ADA UNTUK HAIR DALAM PROSIDING PERMOHONAN KEBENARAN POLIGAMI SERTA PERMOHONAN PENGESAHAN DAN PENDAFTARAN NIKAH POLIGAMI	<b>41</b>
8.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2021</b> KEPERLUAN PENYELESAIAN KES HARTA SPENCARIAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM PERBICARAAN KES HIBAH, WASIAT DAN PUSAKA YANG MELIBATKAN HARTA YANG SAMA DAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN	<b>43</b>

	TAJUK	MUKA SURAT
9.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2021</b> GARIS PANDUAN PENGURUSAN KES TUNTUTAN/ SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN DAN NOTIS PENGHAKIMAN	44
10.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2021</b> PENERIMAAN NASIHAT DARIPADA PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT YANG DIWARTAKAN SEBAGAI PEGAWAI PELINDUNG/ PEGAWAI AKHLAK ATAU PAKAR DARIPADA AGENSI YANG BERKAITAN SEBELUM MAHKAMAH MEMBUAT PERINTAH MENGENAI JAGAAN (HADHANAH) ATAU NAFKAH SEORANG KANAK-KANAK	58
11.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2021</b> TAMBAHAN KOD DEWAN MAHKAMAH SYARIAH (BACA BERSAMA AA 1/2000, AA 7/2007, AA 3/2013, AA 1/2015, AA 1/2016 & AA 12/2019) (BATALKAN Kod Dewan MRS Hulu Selangor, Kuala Selangor & Sabak Bernam dalam AA 1/2016)	60
12.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 12 TAHUN 2021</b> GARIS PANDUAN PENGENDALIAN WAKALAH PEGUAM SYARIE/ AFIDAVIT BAGI KES MAL MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH (BATALKAN AA 5/2014 berkait kes <i>Mal</i> sahaja)	64
13.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 13 TAHUN 2021</b> PENYERAHAN NOTIS RAYUAN DAN TEMPOH WAKALAH PEGUAM SYARIE PERAYU/ RESPONDEN BAGI KES YANG DIRAYU ATAU DISEMAK (BATALKAN AA 2/2004)	68
14.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 14 TAHUN 2021</b> PEMAKAIAN FORMAT PERINTAH FARAIID BAGI KES PERMOHONAN PUSAKA BERLAPIS ( <i>AL-MUNASAKHAT</i> )	71
15.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 15 TAHUN 2021</b> WANG DEPOSIT RAYUAN DAN SERAH SIMPAN JAMINAN BAGI KES RAYUAN <i>MAL</i> DI MAHKAMAH SYARIAH	76
16.	<b>ARAHAN AMALAN NO. 16 TAHUN 2021</b> JADUAL PELUPUSAN REKOD URUSAN FUNGSIAN (BATALKAN AA 13/2006)	89



# جابتئن كحاكيم شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
*Department Of Syariah Judiciary Malaysia*  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : [naim1@esyariah.gov.my](mailto:naim1@esyariah.gov.my)

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(66)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

## ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2021

### PINDAAN ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2014: GARIS PANDUAN PENULISAN TEKS PENGHAKIMAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Pindaan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014: Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman seperti ketetapan berikut:

- i) Nombor kad pengenalan pihak-pihak tidak dipaparkan demi melindungi data peribadi daripada sebarang penyalahgunaan;
- ii) penggunaan nama pihak-pihak dikekalkan; dan

- iii) bagi nama kanak-kanak yang dinyatakan di dalam teks penghakiman, hendaklah menggunakan pakai pangkal nama hadapan (*initial*) kanak-kanak atau abjad tunggal sahaja.
2. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014: Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
**PUTRAJAYA**



# جابتنه كهاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
*Department Of Syariah Judiciary Malaysia*  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(67)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-negeri

## ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2021

### GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PROSIDING KES MAL DI MAHKAMAH SYARIAH MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Mal di Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh seperti di lampiran.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PROSIDING KES MAL  
DI MAHKAMAH SYARIAH MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI  
JARAK JAUH**

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Mal di Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh dan terpakai di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri (JKSN/ MSN) dan selepas ini disebut sebagai “Garis Panduan”.  
  
(2) Garis Panduan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie.

**Tafsiran**

2. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta Pentadbiran” ertinya Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*];

“Akta Tatacara Mal” ertinya Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [*Akta 585*];

“hadir” termasuklah kehadiran oleh mana-mana orang secara teknologi komunikasi jarak jauh;

“Hakim” mempunyai maksud yang sama yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Mal atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan<sup>1</sup>;

---

<sup>1</sup> Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002 (Kelantan), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pahang) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan<sup>2</sup>;

“Pendaftar” mempunyai maksud yang sama yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Mal atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan<sup>3</sup>;

“prosiding” ertinya apa-apa prosiding, termasuk prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh, sama ada dalam Mahkamah terbuka atau dalam Kamar, dan termasuklah suatu permohonan pada mana-mana peringkat prosiding yang disifatkan telah bermula apabila tindakan difailkan; dan

“teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

---

Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perlis) 2006, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Ordinan Tatacara Mal Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

<sup>2</sup> Seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, seksyen 3 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 42 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, seksyen 44 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), seksyen 4 Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), seksyen 3 Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 4 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

<sup>3</sup> Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002 (Kelantan), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pahang) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perlis) 2006, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Ordinan Tatacara Mal Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

### **Pemakaian**

3. Garis Panduan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana prosiding Mahkamah yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

### **Arahan oleh Hakim atau Pendaftar**

4. (1) Hakim atau Pendaftar boleh mengarahkan apa-apa kausa atau perkara di bawah Garis Panduan ini didengar atau mana-mana prosiding dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana yang diluluskan oleh Mahkamah.

(2) Kuasa yang diberikan kepada Hakim atau Pendaftar dalam subaturan (1) boleh dijalankan atas usulnya sendiri atau atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana pihak kepada suatu prosiding.

(3) Jika suatu prosiding dibuat di bawah subperenggan (2), Hakim atau Pendaftar boleh memberikan arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu berhubung dengan kausa atau perkara itu.

### **Kes yang dibenarkan pendengaran**

5. Pendengaran secara teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah dibenarkan bagi kes yang dimulakan melalui saman atau permohonan atau bagi mana-mana kes di peringkat rayuan.

### **Tatacara permohonan**

6. (1) Permohonan bagi pengendalian prosiding secara teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah dibuat oleh pemohon menggunakan Borang GPJJ1 dan hendaklah difailkan kepada Mahkamah.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), pemohon hendaklah membuat salinan Borang GPJJ1 dan salinan borang itu hendaklah disampaikan kepada responden bagi kes itu.

(3) Selepas menerima salinan Borang GPJJ1 itu, responden hendaklah mengisi Borang GPJJ2 bagi menyatakan persetujuan atau bantahan terhadap permohonan itu.

(4) Bagi maksud subperenggan (3), responden hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh salinan Borang GPJJ1 diterima menfaillkan Borang GPJJ2 kepada Mahkamah dan salinan Borang GPJJ2 itu hendaklah disampaikan kepada pemohon.

(5) Mahkamah hendaklah, setelah mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah Garis Panduan ini, mengeluarkan perintah yang sewajarnya dan suatu notis mengikut Borang GPJJ3 hendaklah dikeluarkan.

### **Tempat prosiding**

7. (1) Tempat prosiding hendaklah di bawah bidang kuasa Mahkamah yang menjalankan prosiding itu.

(2) Bagi maksud Garis Panduan ini, Hakim hendaklah mengendalikan prosiding di suatu tempat rasmi menurut bidang kuasa Mahkamah itu, dan kehadiran pihak-pihak melalui teknologi komunikasi jarak jauh, hendaklah dengan berada di lokasi yang ditetapkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah sepertimana dalam perintah Borang GPJJ3.

### **Kehadiran pihak-pihak atau saksi melalui teknologi telekomunikasi jarak jauh**

8. (1) Bagi maksud perenggan 7, berhubung dengan kehadiran mana-mana pihak, saksi atau banduan dalam mana-mana prosiding, Hakim atau Pendaftar boleh setelah berpuas hati bahawa semua syarat yang dinyatakan dalam subaturan (2) dipenuhi, mengarahkan pihak-pihak atau saksi—

(a) untuk hadir (selain memberikan keterangan), dalam prosiding itu, secara teknologi komunikasi jarak jauh; atau

(b) untuk memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Syarat yang disebut dalam subperenggan (1) adalah seperti berikut:

(a) dalam hal kehadiran pihak-pihak atau saksi, semasa tempoh yang dinyatakan dan daripada suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh;

(b) dalam hal seorang banduan sebagai saksi atau pihak, untuk hadir atau memberikan keterangan semasa tempoh yang dinyatakan dan daripada suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh, dengan syarat bahawa—

(i) dia seorang saksi atau suatu pihak; dan

(ii) pihak-pihak dan Pegawai yang Menjaga yang disebut di bawah Akta Penjara [*Akta 537*] bersetuju untuk menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh;

dan

(c) Hakim atau Pendaftar berpuas hati bahawa terdapat kemudahan pentadbiran dan teknikal yang mencukupi dan pengaturan dibuat di tempat yang pihak-pihak, saksi atau banduan sebagai saksi akan hadir atau memberikan keterangan.

(3) Kehadiran dan keterangan yang diberikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh dalam mana-mana prosiding mengikut arahan Hakim atau Pendaftar di bawah subperenggan (1) boleh dikira sebagai kehadiran dan keterangan yang diberikan secara sendiri dalam prosiding itu dan menjadi sebahagian daripada rekod prosiding bagi Hakim itu atau di hadapan Pendaftar.

### **Penyiaran awam prosiding dan rakaman**

9. (1) Sekiranya Hakim atau Pendaftar mengarahkan bahawa prosiding hendaklah dijalankan sepenuhnya melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, Hakim atau Pendaftar boleh mengarahkan bahawa—

- (a) prosiding itu hendaklah disiarkan (mengikut cara yang dinyatakan dalam arahan) bagi maksud membolehkan orang awam melihat dan mendengar prosiding itu; atau
- (b) suatu rakaman prosiding itu dibuat (mengikut cara yang dinyatakan dalam arahan) bagi maksud membolehkan Hakim atau Pendaftar untuk menyimpan rekod audio-visual prosiding itu.

(2) Apa-apa rakaman prosiding yang dibuat oleh Mahkamah di bawah Garis Panduan ini hendaklah disifatkan sebagai rekod rasmi Mahkamah.

(3) Suatu arahan di bawah Garis Panduan ini boleh dibuat yang berhubungan dengan keseluruhan atau sebahagian prosiding yang berkenaan.

### **Kuasa untuk membatalkan arahan**

10. Hakim atau Pendaftar boleh membatalkan, menggantung atau mengubah arahan yang dibuat di bawah perenggan 4 sekiranya—

- (a) teknologi komunikasi jarak jauh itu berhenti berfungsi dan ia akan menyebabkan kelewatan yang tidak munasabah untuk menunggu sehingga sistem berfungsi semula;
- (b) Hakim atau Pendaftar berpendapat bahawa prosiding yang dijalankan tidak mendatangkan keadilan;
- (c) telah berlakunya suatu perubahan material dalam hal keadaan selepas Hakim atau Pendaftar telah membuat sesuatu perintah; atau

(d) ia perlu demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian.

### Penghakiman

11. (1) Seksyen 130 dan 135 Akta Tatacara Mal<sup>4</sup> hendaklah terpakai kepada setiap penghakiman atau perintah yang diumumkan atau diberikan dalam prosiding yang diadakan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Jika penghakiman atau perintah diumumkan atau diberikan dalam prosiding yang diadakan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, fakta itu hendaklah dinyatakan dalam penghakiman atau perintah itu.

(3) Apa-apa penghakiman atau perintah yang diumumkan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh dengan kehadiran pihak-pihak hendaklah disifatkan diterima oleh pihak-pihak secara sendiri.

(4) Walau apapun Garis Panduan ini, penghakiman atau perintah boleh disampaikan melalui apa-apa cara lain yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

---

<sup>4</sup> Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002 (Kelantan), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pahang) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perlis) 2006, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Ordinan Tatacara Mal Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Borang GPJJ1  
[Subperenggan 6(1)]

DALAM MAHKAMAH RAYUAN/ TINGGI/ RENDAH  
SYARIAH .....  
DI .....  
PERMOHONAN NO:..... TAHUN 20.....

ANTARA

.....  
(K/P:..... PEMOHON  
DENGAN

.....  
(K/P:..... RESPONDEN

**PERMOHONAN MENJALANKAN PROSIDING MAHKAMAH  
MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

1. Saya ..... No. K/P ..... adalah pemohon dalam kes ini.
2. Saya memohon kepada Mahkamah agar prosiding kes ini dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh kerana:
  - 2.1.....  
.....
  - 2.2.....  
.....
3. Saya memohon kepada Mahkamah untuk berada di lokasi ..... ketika prosiding kes ini dijalankan.

Bertarikh: .....  
*Pemohon*

Borang GPJJ2  
[Subperenggan 6(3)]

DALAM MAHKAMAH RAYUAN/ TINGGI/ RENDAH  
SYARIAH .....  
DI .....  
PERMOHONAN NO:..... TAHUN 20.....

ANTARA

.....  
(K/P:..... PEMOHON  
DENGAN

.....  
(K/P:..... RESPONDEN

**PERSETUJUAN/ BANTAHAN KEPADA PERMOHONAN  
MENJALANKAN PROSIDING MAHKAMAH MELALUI  
TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

1. Saya..... No. K/P ..... adalah responden dalam kes ini.
2. Saya dengan ini menyatakan persetujuan/ bantahan terhadap permohonan ini atas alasan-alasan berikut:
  - 2.1.....
  - 2.2.....
3. Saya memohon kepada Mahkamah untuk berada di lokasi..... ketika prosiding kes ini dijalankan.

Bertarikh: .....  
*Responden*

Borang GPJJ3  
[Subperenggan 6(5)]

DALAM MAHKAMAH RAYUAN/ TINGGI/ RENDAH

SYARIAH .....

DI .....

PERMOHONAN NO:..... TAHUN 20.....

ANTARA

.....  
(K/P:..... PEMOHON

DENGAN

.....  
(K/P:..... RESPONDEN

**PERINTAH PERMOHONAN PROSIDING MELALUI TEKNOLOGI  
KOMUNIKASI JARAK JAUH**

AMBIL PERHATIAN bahawa pihak pemohon telah membuat permohonan bagi menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

SETELAH meneliti permohonan pemohon dan persetujuan/ bantahan responden, Mahkamah memerintahkan permohonan ini dibenarkan/ ditolak.

1. Plaintiff/ Pemohon hendaklah berada di (lokasi) .....
2. Defendant/ Respondent hendaklah berada di (lokasi) .....
3. ..... (nama saksi) hendaklah berada di (lokasi) .....

NOTISINI DIKELUARKAN di bawah tandatangan dan meterai Mahkamah pada .....

Meterai

.....  
*Hakim/Pendaftar*



# جابتئن كحاكيم من شرعية مليسيَا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Department Of Syariah Judiciary Malaysia

Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300

Faks : 603-8870 9316

Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)

E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(68)

Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H

Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-negeri

## ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2021

### TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING KES DI MAHKAMAH SYARIAH SELEPAS PERPINDAHAN KELUAR HAKIM BICARA

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Tatacara Pengendalian Prosiding Kes di Mahkamah Syariah Selepas Perpindahan Keluar Hakim Bicara.

2. Tauliah Hakim Bicara yang berpindah keluar adalah berterusan sehingga ditamatkan oleh kuasa melantik dan pengendalian kes yang telah dikendalikan oleh Hakim Bicara tersebut hendaklah diuruskan seperti berikut :

#### 2.1 Kes Ma!

(a) Prosiding kes yang telah dikendalikan Hakim Bicara sebahagian keterangan defendan hendaklah diteruskan pendengaran oleh Hakim Bicara tersebut sehingga selesai.

(b) Selain subperenggan 2.1(a) prosiding itu hendaklah dikendalikan Hakim lain dan tertakluk kepada peruntukan seksyen 128 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

## 2.2 Kes Jenayah

(a) Prosiding kes yang telah dikendalikan Hakim Bicara sebahagian pembelaan Orang Kena Tuduh, hendaklah diteruskan oleh Hakim Bicara tersebut sehingga selesai.

(b) Selain subperenggan 2.2(a) hendaklah dikendalikan Hakim lain dan tertakluk kepada peruntukan seksyen 108<sup>1</sup> Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
**PUTRAJAYA**

---

<sup>1</sup> Seksyen 109 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.



# جایتن کھاکیمن شرعیۃ ملیسیا

PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/

PASCA PERBICARAAN

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Department Of Syariah Judiciary Malaysia

Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya

No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3

62100 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 9300

Faks : 603-8870 9316

Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)

E-mel : [naim1@esyariah.gov.my](mailto:naim1@esyariah.gov.my)

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(69)

Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H

Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-negeri

## ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2021

### GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN PENYAMPAIAN TINDAKAN BERSALING BAGI PERINTAH DAN PENGHAKIMAN DALAM KES MAL

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Permohonan dan Pelaksanaan Penyampaian Tindakan Bersaling bagi Perintah dan Penghakiman dalam Kes *Mal* seperti di lampiran.

2. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2010: Tambahan Kod Pendaftaran Kes hendaklah dibaca bersama.

3. Arahan Amalan No. 10 Tahun 2005: Pengendorsan Perintah Bersaling, di perenggan (ii), (iii) dan (iv) kecuali yang berkaitan dengan pengurusan saman dan waran serta Surat Pekeliling Ketua Pengarah JKSM No. Rujukan: JKSM.BPKR/100-41/10/2(6) bertarikh 30 Januari 2012 bertajuk “*Laporan KFA: Pelaksanaan Perintah Bersaling Khusus untuk Kes Mal*” adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**

Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

**PUTRAJAYA**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN PENYAMPAIAN  
TINDAKAN PENGENDORSAN BERSALING BAGI PERINTAH DAN  
PENGHAKIMAN DALAM KES MAL**

**BAHAGIAN I – NAMA DAN PEMAKAIAN**

1. (1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan sebagai Garis Panduan Permohonan dan Pelaksanaan Tindakan Bersaling bagi Perintah dan Penghakiman Dalam Kes *Mal*.

(2) Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada semua kes *mal* di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Enakmen/ Ordinan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri yang berkuat kuasa.

**BAHAGIAN II – TAFSIRAN**

2. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Hakim” atau “Hakim Syarie” ertinya seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah mengikut mana-mana berkenaan, yang dilantik di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan;

“Perintah Bersaling” ertinya tindakan bersaling di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Akta/ Enakmen/ Ordinan Mahkamah Syariah yang berkuat kuasa;

“Pendaftar” ertinya mempunyai maksud yang sama yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan;

“Mahkamah yang Mengeluarkan Perintah Asal” ertinya Mahkamah yang mengeluarkan perintah asal sesuatu tuntutan/ permohonan; dan

“Mahkamah yang Menerima Perintah Asal” ertinya Mahkamah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendant/ responden.

**BAHAGIAN III – PROSES KERJA****AKTIVITI 1: Mahkamah yang menerima permohonan perintah bersaling**  
(Mahkamah kompeten yang melaksanakan penyampaian perintah/ penghakiman)

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	CATATAN
Pemohon	<p>1. Memfailkan permohonan di Mahkamah yang kompeten menyampaikan dan melaksanakan perintah/ penghakiman kepada defendant/ responden berserta dokumen-dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Notis Permohonan (MS 3);</li> <li>ii. afidavit; dan</li> <li>iii. ekhibit (perintah/ penghakiman asal yang dipohon untuk diendors).</li> </ul> <p>Membayar fi yang ditetapkan (termasuk fi bagi tujuan penyampaian perintah kepada defendant/ responden).</p>	<p>Permohonan dijalankan secara sebelah pihak</p> <p>Prosiding ini berlangsung di Mahkamah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendant/ responden.</p>
Pendaftar	<p>2. Memastikan dokumen pemohon lengkap dan mendaftarkan kes dengan menggunakan kod 082: Permohonan Perintah Bersaling.</p> <p>3. Menetapkan tarikh pendengaran di hadapan Hakim Syarie dalam tempoh 21 hari.</p> <p>4. Membuka fail kes.</p> <p>5. Menyediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Draf Perintah Bersaling (Borang A); dan</li> <li>ii. Draf Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (Borang B).</li> </ul> <p>6. Mengeluarkan Notis Kehadiran dan menyebabkan penyampaian Notis Kehadiran kepada pemohon.</p>	<p>Prosiding ini berlangsung di Mahkamah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendant/ responden.</p>

**PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/ PASCA PERBICARAAN**

<b>TANGGUNGJAWAB</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>CATATAN</b>
Hakim	<p>7. Mendengar dan membicarakan kes dengan memastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah asal adalah betul;</li> <li>ii. Responden/ defendan berada dalam bidang kuasanya; dan</li> <li>iii. Terma dalam perintah asal adalah dalam bidang kuasanya.</li> </ul> <p>8. Meluluskan permohonan jika berpuas hati.</p> <p>9. Membuat pengendorsan serta tandatangan ke atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah Bersaling (Borang A); dan</li> <li>ii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (Borang B).</li> </ul>	<p>Prosiding ini secara sebelah pihak di Kamar Hakim Bicara. Prosiding ini berlangsung di Mahkamah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendan/ responden.</p>
Pendaftar	<p>10. Memastikan dokumen tersebut lengkap:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah Bersaling (Borang A); dan</li> <li>ii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (Borang B).</li> </ul> <p>11. Merekodkan butiran dalam Borang Rekod Perintah Bersaling yang Dikeluarkan (Borang C) perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tarikh Daftar Permohonan Perintah Bersaling;</li> <li>ii. No. Kes Permohonan Perintah Bersaling;</li> <li>iii. Tarikh Perintah Bersaling diendorskan;</li> <li>iv. Tarikh penghantaran sesalinan Borang A dan Borang B ke Mahkamah yang Mengeluarkan Perintah Asal.</li> <li>v. Nama Mahkamah yang Mengeluarkan Perintah Asal;</li> <li>vi. No. kes perintah asal; dan</li> </ul>	<p>Prosiding ini berlangsung di Mahkamah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendan/ responden.</p>

**PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/ PASCA PERBICARAAN**


<b>TANGGUNGJAWAB</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>CATATAN</b>
Pendaftar/ Penghantar Notis	<p>vii. Tarikh perintah asal.</p> <p>12. Menyerahkan kepada Mahkamah yang Mengeluarkan Perintah Asal, pemohon/ Peguam Syarie pemohon dokumen-dokumen seperti yang berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah Bersaling (Borang A);</li> <li>ii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (Borang B); dan</li> <li>iii. Salinan Perintah Asal</li> </ul> <p>13. Mahkamah akan memastikan penyampaian kepada defendan/responden dokumen berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah Asal;</li> <li>ii. Perintah Bersaling (Borang A) dan</li> <li>iii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (Borang B).</li> </ul>	

**AKTIVITI 2: Mahkamah yang Mengeluarkan Perintah Asal**

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	CATATAN
Pendaftar	<p>1. Menerima dokumen berikut dari Mahkamah yang mengendorskan/ mengeluarkan perintah bersaling:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah Bersaling (Borang A);</li> <li>ii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (Borang B); dan</li> <li>iii. Salinan perintah asal.</li> </ul> <p>2. Memasukkan dokumen berikut ke dalam fail kes asal:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah Bersaling (Borang A);</li> <li>ii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (Borang B); dan</li> <li>iii. Salinan perintah asal.</li> </ul> <p>3. Merekodkan butiran dalam Borang Rekod Perintah Bersaling (Borang D) perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tarikh terima Perintah Bersaling;</li> <li>ii. No. Kes Perintah Bersaling;</li> <li>iii. Tarikh Perintah Bersaling diendorskan;</li> <li>iv. Nama Mahkamah yang mengeluarkan Perintah Bersaling/ Mengendorskan Perintah Asal;</li> <li>v. No. Kes Perintah Asal; dan</li> <li>vi. Tarikh perintah asal.</li> </ul>	Tindakan ini berlaku di Mahkamah yang Mengeluarkan Perintah Asal.

#### BAHAGIAN IV – CARTA ALIR

**AKTIVITI 1: Mahkamah yang akan menerima permohonan perintah bersaling**  
 (Mahkamah kompeten yang melaksanakan penyampaian perintah/ penghakiman)

TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIR	DOKUMEN/ CATATAN
Pemohon/ Pendaftar	 <p>Mula</p> <p>Dokumen lengkap?</p> <p>Tidak</p> <p>Ya</p> <p>A</p> <p>Pemohon fail permohonan di Mahkamah yang kompeten sampaikan dan laksanakan (selaraskan dengan proses kerja) perintah/penghakiman kepada responden/defendant berserta dokumen lengkap.</p> <p>Semak dokumen</p> <p>Lengkap: Buka fail dan daftar permohonan dengan kod 082</p> <p>Tetapkan tarikh pendengaran, sediakan draf perintah bersaling dan draf Borang Pengendorsan Perintah Bersaling. Serahkan fail dan dokumen lengkap kepada Hakim</p> <p>Keluarkan notis kehadiran bicara kepada pemohon</p> <p>Mendengar permohonan dan bicara permohonan secara sebelah pihak dengan kehadiran pemohon</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Notis permohonan (MS3)</li> <li>ii. Afidavit</li> <li>iii. Ekhibit (perintah/penghakiman asal yang dipohon untuk diendors)</li> <li>iv. Fi yang ditetapkan (termasuk fi penyampaian perintah/penghakiman kepada defendant/responden)</li> </ul>
Pendaftar		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Fail lengkap yang mengandungi i, ii dan iii di atas.</li> <li>ii. Draf Perintah Bersaling (Borang A), draf Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (Borang B).             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Daftar permohonan dalam e-Syariah dengan guna kod 082: Permohonan Perintah Bersaling.</li> </ul> </li> <li>iii. Notis kehadiran kepada pemohon.</li> </ul>
Hakim		Prosiding di kamar Hakim Bicara
Hakim		

## PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/ PASCA PERBICARAAN

TANGGUNGJAWAB	CARTA PROSES	DOKUMEN/ CATATAN
Hakim	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; BerpuasHati{Berpuas hati?}     BerpuasHati -- Tidak --&gt; HakimTandatangan[Hakim tandatangan i. Perintah bersaling (Borang A) ii. Borang pengendorsan (Borang B)]     BerpuasHati -- Ya --&gt; PendaftarRekodkan[Pendaftar rekodkan dalam Borang Rekod Perintah Bersaling (Borang C)]     HakimTandatangan --&gt; Tamat([Tamat])     PendaftarRekodkan --&gt; Tamat   </pre>	<p>Hakim memuaskan hatinya dengan pastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah asal adalah betul;</li> <li>ii. Responden/ defendant berada dalam bidang kuasanya</li> <li>iii. Terma perintah asal dalam bidang kuasanya</li> </ul> <p>Dokumen:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Borang A</li> <li>ii. Borang B</li> </ul>
Pendaftar	<p>Pendaftar rekodkan dalam Borang Rekod Perintah Bersaling (Borang C)</p> <p>Penyampaian Borang A, Borang B yang lengkap dan sesalinan perintah asal kepada Mahkamah pengeluar perintah asal/ pemohon/ Peguam Syarie pemohon.</p> <p>Pastikan penyampaian Borang A, Borang B yang lengkap dan perintah asal kepada defendant/ responden.</p>	<p>Pendaftar rekodkan butiran permohonan yang diluluskan dalam Borang C.</p> <p>Pendaftar pastikan penyampaian dokumen kepada pemohon dan Mahkamah pengeluar perintah asal.</p>
Pendaftar/ Penghantar Notis		<p>Pendaftar pastikan Penghantar Notis menyampai serah Borang A, Borang B dan perintah asal kepada defendant/ responden.</p>

**AKTIVITI 2: Mahkamah yang mengeluarkan perintah asal**

TANGGUNGJAWAB	CARTA PROSES	DOKUMEN/ CATATAN
Pendaftar	<pre> graph TD     Start([Mula]) --&gt; Box1[ ]     Box1 --&gt; Box2[ ]     Box2 --&gt; Box3[ ]     Box3 --&gt; End([Tamat])   </pre> <p>Pendaftar Mahkamah yang keluarkan perintah asal terima dokumen:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Borang A,</li> <li>ii. Borang B, dan</li> <li>iii. Sesalinan perintah asal.</li> </ul> <p>Pendaftar masukkan ketiga-tiga dokumen tersebut ke dalam fail asal pemohon di Mahkamah yang keluarkan perintah asal</p> <p>Pendaftar rekodkan butiran dalam Borang Rekod Perintah Bersaling yang dikeluarkan (Borang D)</p>	<p>Pendaftar Mahkamah yang keluarkan perintah asal terima dokumen berikut daripada Mahkamah yang kompeten laksanakan penyampaian perintah</p> <p>Pendaftar rekodkan butiran permohonan yang diluluskan dalam Borang D</p>

PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/ PASCA PERBICARAAN

**BORANG A**

*Borang Perintah Bersaling ini dikeluarkan oleh Mahkamah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendant/ responden*

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI/ RENDAH SYARIAH DI .....**

**DI DALAM NEGERI ..... , MALAYSIA**

**PERMOHONAN NO.: .....**

.....  
(NO. K/P : )

PEMOHON

DI HADAPAN HAKIM/ PENDAFTAR  
YA/ TUAN/ PUAN .....

PADA (Tarikh Masihi)  
(Tarikh Hijri)

DALAM KAMAR

**PERINTAH BERSALING**

Permohonan ini telah disebut pada hari ini dengan kehadiran Pemohon. **SETELAH MENDENGAR KETERANGAN** Pemohon dan Mahkamah ini berpuas hati dengan keterangan tersebut dan dokumen berkaitan,

**MAKA DENGAN INI** Mahkamah memerintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon berdasarkan seksyen ..... Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Akta/ Enakmen/ Ordinan Mahkamah Syariah Negeri.
  
2. Mahkamah memerintahkan Perintah/ Penghakiman/ Permohonan No. .... (No. kes perintah/ penghakiman asal) bagi tindakan ini hendaklah diendors dan disampaikan kepada .....(nama responden/ defendant), No. Kad Pengenalan ..... melalui Mahkamah ini iaitu Mahkamah Tinggi/ Rendah Syariah ..... (*Mahkamah yang berbidang kuasa dan akan melaksanakan penyampaian*).

Dikeluarkan di bawah meterai dan tandatangan Mahkamah ini pada

Meterai

.....  
*Hakim/ Pendaftar*

PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/ PASCA PERBICARAAN

**BORANG B**

**BORANG PENGENDORSAN PERINTAH BERSALING**

*Borang ini keluarkan oleh Mahkamah yang menerima permohonan perintah bersaling*

Mahkamah perintahkan seperti Perintah/ Penghakiman YAA/ YA/ Tuan/ Puan Hakim yang mengeluarkan Perintah/ Penghakiman Asal No. kes ..... di Mahkamah Tinggi/ Rendah Syariah di .....

Di Negeri ..... Bertarikh .....

.....  
YAA/ YA/ Tuan/ Puan

Hakim

Mahkamah Rayuan/ Tinggi/ Rendah Syariah

Negeri .....

Tarikh .....

## PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/ PASCA PERBICARAAN

## **BORANG C**

## MAHKAMAH RAYUAN/ TINGGI/ RENDAH SYARIAH .....

# **BORANG REKOD PERINTAH BERSALING YANG DIKELUARKAN**

(Rekod ini diselia oleh Mahkamah yang menerima permohonan perintah bersaling)

## PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/ PASCA PERBICARAAN

## BORANG D

## **MAHKAMAH RAYUAN/ TINGGI / RENDAH SYARIAH .....**

## **BORANG REKOD PERINTAH BERSALING YANG DIKELUARKAN**

(Rekod ini diselia oleh Mahkamah yang mengeluarkan perintah asal/ menerima perintah bersaling)

-TAMAT-



# جابتنه حاکیم شرعیة ملیسیا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
*Department Of Syariah Judiciary Malaysia*  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(70)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

## ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2021

### **TATACARA PENYERAHAN PERINTAH BERKAITAN DENGAN KES MAL KEPADA PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MELAKSANAKAN PERINTAH TANPA KEHADIRAN ATAU TIDAK DIWAKILI (KETIKA PERINTAH/ PENGHAKIMAN DIBERIKAN MAHKAMAH) BAGI TUJUAN PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH/ PENGHAKIMAN**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Tatacara Penyerahan Perintah Berkaitan dengan Kes *Mal* kepada Pihak yang Bertanggungjawab Melaksanakan Perintah Tanpa Kehadiran atau Tidak Diwakili (Ketika Perintah/ Penghakiman Diberikan Mahkamah) bagi Tujuan Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah/ Penghakiman seperti berikut:

- i) Peruntukan subseksyen 135(3) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-Negeri hendaklah dirujuk dan dijadikan panduan;


- ii) Apabila suatu perintah dikeluarkan oleh Mahkamah dan diterima oleh pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu, sesalinan perintah itu hendaklah diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perintah tersebut diterima;
  - iii) Pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu hendaklah memfailkan afidavit penyampaian ke Mahkamah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perintah tersebut diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah;
  - iv) Mahkamah hendaklah menyimpan sesalinan afidavit penyampaian perintah ke dalam fail kes asal; dan
  - v) Mahkamah hendaklah menyerahkan sesalinan afidavit penyampaian perintah kepada pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu untuk simpanan bagi tujuan penguatkuasaan dan pelaksanaan.
2. Proses kerja tatacara penyerahan perintah kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah bagi tujuan penguatkuasaan dan pelaksanaan di Mahkamah Syariah hendaklah sebagaimana di lampiran.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Lampiran

**PROSES PENYERAHAN PERINTAH**

<b>ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB</b>	<b>ALIRAN KERJA</b>	<b>PROSES KERJA</b>	<b>CATATAN</b>
		<b>Mula</b>	
Pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu/ Penghantar Notis		Menerima perintah dari Mahkamah	
Pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu/ Penghantar Notis		Menyampaikan perintah kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah dalam tempoh 7 hari dari penerimaan perintah Mahkamah	
Pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu/ Penghantar Notis		Memfailkan afidavit penyampaian perintah dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyampaian perintah kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah	
Petugas Kaunter		Menyimpan sesalinan afidavit penyampaian serahan perintah ke dalam fail kes asal.	
Petugas Kaunter		Sesalinan afidavit penyampaian serahan perintah diserahkan kepada pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu untuk simpanan.	
		<b>Tamat</b>	



## جابتني حاكم من شرعية ملبيسا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
*Department Of Syariah Judiciary Malaysia*  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN/  
PERBICARAAN/  
PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(71)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

### ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2021

#### AMALAN PENGESAHAN TALAQ DI LUAR DAN TANPA KEBENARAN MAHKAMAH SERTA PENJELASAN TERHADAP KEENGGANAN BERSUMPAH (*NUKUL*)

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah serta Penjelasan Terhadap Keengganan Bersumpah (*Nukul*) seperti di lampiran.

2. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2019: Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah serta Penjelasan Keengganan Bersumpah (*Nukul*) dibatalkan.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA

**AMALAN PENGESAHAN TALAQ  
DI LUAR DAN TANPA KEBENARAN MAHKAMAH  
SERTA PENJELASAN TERHADAP  
KEENGGANAN BERSUMPAH (*NUKUL*)**

Ketua Hakim Syarie menetapkan Amalan Pengesahan Talaq di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah seperti yang berikut:

1. Dalam arahan amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“*al-yamin al-mardudah*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006;

“*nukul*” ertinya enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim;

“*nukul hakiki*” ertinya keengganan *mudda'a alaih* untuk bersumpah apabila diarah oleh Hakim dan keengganan tersebut dibuat secara lisan seperti dijawab “Saya tidak mahu bersumpah”;

“*nukul hukmi*” ertinya keengganan *mudda'a alaih* untuk bersumpah apabila diarah oleh Hakim dan keengganan tersebut dibuat bukan secara lisan seperti berdiam diri ketika diarah bersumpah atau enggan hadir ke Mahkamah;

“*saksi*” tidak termasuk pihak-pihak;

“*sumpah*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No.2 Tahun 2006;

“*yamin al-istizhar*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006; dan

“*yamin al-nafi*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006.

2. Tertakluk kepada Hukum Syarak, Mahkamah dalam mendengar dan memutuskan pengesahan talaq di luar dan tanpa kebenaran Mahkamah hendaklah berpuas hati bahawa talaq itu telah memenuhi rukun-rukun talaq.

3. Mahkamah sebelum mengesahkan lafaz talaq, hendaklah terlebih dahulu menjalankan penyiasatan dan menentukannya melalui keterangan suami dan isteri yang telah memenuhi syarat-syarat talaq menurut Hukum Syarak seperti yang berikut:

(1) Suami –

- (a) seorang suami yang sah kepada isteri yang diceraikan;
- (b) seorang yang baligh menurut Hukum Syarak;
- (c) seorang yang berakal; dan
- (d) melafazkan talaq dengan kerelaannya tanpa paksaan.

(2) Isteri –

- (a) seorang isteri yang sah bagi suami tersebut atau masih dalam ‘iddah *raj’i*; atau
- (b) jika lebih daripada seorang isteri, hendaklah ditentukan isteri mana yang diceraikan itu.

4. Mahkamah dalam menentukan kesahan lafaz talaq itu, hendaklah memastikan kedua-dua pihak kepada perkahwinan hadir di hadapan Mahkamah dan Mahkamah hendaklah –

(1) Memastikan penyampaian saman kepada suami atau isteri tertakluk kepada Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah;

(2) Sesalinan Borang 1 Notis Amaran *Nukul* bolehlah disampaikan kepada suami yang dinamakan sebagai defendan setelah dibuktikan penyampaian saman telah disempurnakan kepadanya namun, ia gagal hadir ke Mahkamah pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran dakwaan berkaitan dengan lafaz talaq berkenaan; dan

(3) bagi hal keadaan subperenggan 6(1)(b), jika defendan gagal hadir ke Mahkamah tanpa apa-apa sebab yang munasabah setelah Borang 1 Notis Amaran *Nukul* dibuktikan penyampaian telah sempurna kepadanya, Mahkamah bolehlah mensabitkan defendan seorang yang *nukul hukmi*.

5. Kehadiran suami di hadapan Mahkamah –
  - (1) Mahkamah hendaklah memeriksa dan menyiasat sama ada suami mengaku atau menafikan dakwaan isterinya;
  - (2) Jika suami mengaku terhadap dakwaan isterinya dan Mahkamah berpuashati dengan pengakuan tersebut, maka Mahkamah hendaklah mensabitkan talaq itu; atau
  - (3) Jika suami menafikan dakwaan itu, Mahkamah hendaklah –
    - (a) memerintahkan isteri mengemukakan dua (2) orang saksi lelaki bagi memberikan keterangan mengenai lafaz talaq itu;
    - (b) jika isteri tidak mengemukakan keterangan seperti di subperenggan (a) di atas, Mahkamah hendaklah memberitahu isteri haknya untuk meminta daripada Mahkamah bagi memerintahkan suaminya bersumpah *yamin al-nafi*; atau
    - (c) sekiranya isteri enggan meminta Mahkamah bagi memerintahkan suaminya bersumpah *yamin al-nafi*, Mahkamah boleh menolak dakwaan pihak isteri; dan
  - (4) Tertakluk kepada subperenggan 5(3)(b), isteri meminta Mahkamah bagi memerintahkan suaminya bersumpah *yamin al-nafi* –
    - (a) jika suami melakukan *yamin al-nafi*, Mahkamah hendaklah menolak dakwaan isteri; atau
    - (b) jika suami enggan secara lisan untuk melakukan *yamin al-nafi*, Mahkamah hendaklah –
      - (i) menghukumkan suami sebagai *nukul hakiki*; dan
      - (ii) menawarkan kepada isteri untuk bersumpah *al-yamin al-Mardudah*;
    - (c) jika suami enggan melakukan *yamin al-nafi* dengan berdiam diri, Mahkamah hendaklah –
      - (i) menghukumkan suami sebagai *nukul hukmi*; dan

- (ii) menawarkan kepada isteri untuk bersumpah *al-yamin al-Mardudah*; dan
- (5) Tertakluk kepada subperenggan 5(4)(b)(ii) dan (c)(ii) –
- (a) jika isteri bersumpah *al-yamin al-mardudah*, Mahkamah hendaklah mensabitkan dakwaannya; atau
- (b) jika isteri enggan bersumpah *al-yamin al-mardudah*, Mahkamah hendaklah menolak dakwaannya.
6. Ketidakhadiran atau keingkaran suami hadir di hadapan Mahkamah –
- (1) Jika suami ingkar hadir setelah menerima saman dan Borang 1 Notis Amaran *Nukul* sepetimana perenggan 4, Mahkamah hendaklah –
- (a) dalam hal keadaan isteri mempunyai dua (2) orang saksi lelaki atau lebih, Mahkamah boleh mensabitkan dakwaan isteri selepas mendengar dan berpuas hati dengan keterangan saksi-saksi dan sumpah *yamin al-istizhar* isteri;
- (b) dalam hal keadaan isteri tidak mempunyai dua (2) orang saksi lelaki atau lebih, Mahkamah hendaklah memberitahu isteri haknya untuk meminta Mahkamah memerintahkan suaminya bersumpah *yamin al-nafi*. Jika isteri menggunakan haknya tersebut, maka Mahkamah hendaklah mensabitkan suaminya sebagai *nukul hukmi* atas ketidakhadiran suami. Setelah itu, Mahkamah hendaklah mengarahkan kepada isteri bersumpah *al-yamin al-mardudah*; atau
- (c) sekiranya isteri enggan menggunakan haknya di perenggan 6(1)(b), Mahkamah boleh menolak dakwaan pihak isteri.

- (2) Tertakluk kepada subperenggan 6(1)(b) –
- (a) jika isteri bersumpah *al-yamin al-mardudah*, Mahkamah hendaklah mensabitkan dakwaannya; atau
  - (b) jika isteri enggan bersumpah *al-yamin al-mardudah*, Mahkamah hendaklah menolak dakwaannya.

7. Keadaan tempat beradanya suami telah tidak diketahui.

(1) Tertakluk kepada subperenggan 4(1) setelah Mahkamah berpuas hati bahawa tempat beradanya suami tidak diketahui, Mahkamah hendaklah –

- (a) dalam hal keadaan isteri mempunyai dua (2) orang saksi lelaki atau lebih, Mahkamah boleh mensabitkan dakwaan isteri selepas mendengar dan berpuas hati dengan keterangan saksi-saksi dan sumpah *yamin al-istizhar* isteri; atau
- (b) dalam hal keadaan isteri tidak mempunyai dua (2) orang saksi lelaki, dakwaan isteri adalah ditolak.

8. Mahkamah hendaklah memastikan setiap sumpah atau keengganan bersumpah pihak-pihak dalam Arahan Amalan ini adalah secara sukarela dan suci hati.

9. Amalan berkaitan dengan keengganan suami bersumpah (*nukul*) dalam Arahan Amalan ini tidak terpakai bagi pengesahan lafaz talak secara kinayah.

10. Mahkamah hendaklah mengendalikan amalan sumpah berpandukan kepada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006: Amalan Sumpah Mahkamah Syariah.

Ketua Hakim Syarie Negeri \_\_\_\_\_

Borang 1  
Arahan Amalan No. 6 Tahun 2021  
(Subperenggan 4(2))

DALAM MAHKAMAH.....  
DALAM NEGERI.....  
DALAM KES PENGESAHAAN TALAQ DI LUAR DAN  
TANPA KEBENARAN MAHKAMAH

NO. KES (Mal) : .....

Plaintif (Nama)  
No. K/P.....

lawan

Defendant (nama)  
No. K/P.....

**NOTIS AMARAN KEENGGANAN BERSUMPAH (*NUKUL*)**

Kepada: .....

AMBIL PERHATIAN bahawa satu tuntutan/ permohonan di bawah .....  
Akta/ Enakmen/ Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam berkenaan pengesahan  
talaq di luar dan tanpa kebenaran Mahkamah telah difailkan terhadap kamu di  
Mahkamah ..... oleh plaintiff/  
pemohon (nama) ..... No. Kad  
Pengenalan/ Pasport .....,

AMBIL PERHATIAN bahawa kamu ..... defenden/ responden  
(nama) diperintahkan hadir pada tarikh ..... jam .....  
pagi/petang di Mahkamah .....  
untuk menjawab dakwaan plaintiff/ pemohon DAN/ ATAU bersumpah *yamin al-*  
*nafi* sebagaimana yang diperintahkan Mahkamah ini atas permintaan plaintiff/  
pemohon.

DAN AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA, bahawa jika kamu gagal hadir tanpa sebab yang munasabah di sisi Hukum Syarak, maka Mahkamah boleh mensabitkan kamu sebagai pihak yang enggan bersumpah (*nukul*).

MAHKAMAH SETELAH ITU, boleh membenarkan plaintif/ pemohon melafazkan *al-yamin al-mardudah* bagi mensabitkan dakwaannya terhadap kamu dan membuat apa-apa perintah/ penghakiman tanpa kehadiran kamu.

Bertarikh pada ..... hari bulan .....20.....

(Meterai)

Hakim



# جایتن کحاکیمن شرعیة مليسیا

PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Department Of Syariah Judiciary Malaysia

Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya

No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3

62100 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 9300

Faks : 603-8870 9316

Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)

E-mel : [naim1@esyariah.gov.my](mailto:naim1@esyariah.gov.my)

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(72)

Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H

Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

## ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2021

### PEMAKLUMAN KEPADA ISTERI/ ISTERI-ISTERI SEDIA ADA UNTUK HADIR DALAM PROSIDING PERMOHONAN KEBENARAN POLIGAMI SERTA PERMOHONAN PENGESAHAN DAN PENDAFTARAN NIKAH POLIGAMI

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan tanggungjawab Mahkamah memanggil isteri/ isteri-isteri sedia ada untuk hadir dalam prosiding permohonan kebenaran poligami serta permohonan pengesahan dan pendaftaran nikah poligami.

2. Pihak isteri/ isteri-isteri sedia ada tertakluk kepada keadaan tertentu hendaklah dijadikan sebagai pihak dan hendaklah dipanggil untuk hadir dalam prosiding permohonan kebenaran poligami serta permohonan pengesahan dan pendaftaran nikah poligami.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**

Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

**PUTRAJAYA**



## جابتئن کحاکیم شرعیة مليسیا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Department Of Syariah Judiciary Malaysia

Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya

No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3

62100 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 9300

Faks : 603-8870 9316

Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)

E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(73)

Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H

Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

### ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2021

#### KEPERLUAN PENYELESAIAN KES HARTA SEPENCARIAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM PERBICARAAN KES HIBAH, WASIAT DAN PUSAKA YANG MELIBATKAN HARTA YANG SAMA DAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Keperluan Penyelesaian Kes Harta Sepencarian Terlebih Dahulu Sebelum Perbicaraan Kes Hibah, Wasiat dan Pusaka yang Melibatkan Harta yang Sama dan Pihak yang Berkepentingan.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA



## جابتنه حاکیمن شرعیة ملیسیا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Department Of Syariah Judiciary Malaysia

Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya

No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3

62100 PUTRAJAYA

MALAYSIA

PRA PERBICARAAN/

PERBICARAAN/

PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300

Faks : 603-8870 9316

Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)

E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(74)

Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H

Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

### ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2021

#### GARIS PANDUAN PENGURUSAN KES TUNTUTAN/ SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN DAN NOTIS PENGHAKIMAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Pengurusan Kes Tuntutan/ Saman Penghutang Penghakiman (Kod pendaftaran kes 037) dan Notis Penghakiman (Kod pendaftaran kes 076).

2. Prosedur berkaitan dengan Saman Penghutang Penghakiman dan Notis Penghakiman dilaksanakan dengan cara pemeriksaan/ siasatan oleh Mahkamah sebagaimana peruntukan dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri. Garis Panduan yang ditetapkan adalah seperti mana di lampiran.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**

Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

PUTRAJAYA

Lampiran

## **GARIS PANDUAN PENGURUSAN KES TUNTUTAN/ SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN DAN NOTIS PENGHAKIMAN**

### **1. PENGENALAN**

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberikan panduan bagi pengurusan kes Tuntutan/ Saman Penghutang Penghakiman (kod pendaftaran kes 037) dan Notis Penghakiman (kod pendaftaran kes 076) berdasarkan peruntukan seksyen 176 hingga 185 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

### **2. PEMAKAIAN**

- 2.1 Garis panduan ini hendaklah terpakai kepada semua peringkat Mahkamah Syariah, pengamal undang-undang dan pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah.
- 2.2 Tuntutan/ Saman Penghutang Penghakiman boleh dimulakan terhadap perintah pembayaran wang yang dikeluarkan secara muktamad seperti mut'ah atau secara berkala (bulanan) seperti nafkah anak.

### **3. TARikh KUAT KUASA**

Garis Panduan ini mula berkuat kuasa dengan serta-merta.

### **4. TATACARA PENGENDALIAN KES**

- 4.1 Pendengaran kes Tuntutan/ Saman Penghutang Penghakiman dan Notis Penghakiman hendaklah didengar di hadapan Hakim dan pemeriksaan terhadap penghutang penghakiman dibuat berdasarkan

peruntukan seksyen 178 (tidak mengikuti proses perbicaraan seperti kelaziman kes *mal* yang lain).

4.2 Mahkamah hendaklah mengambil perhatian terhadap perkara-perkara seperti yang berikut:

4.2.1 Apabila pemiutang penghakiman memfailkan Borang MS 42 (Permintaan untuk Mendapatkan Saman Penghutang Penghakiman) atau Borang MS 44 (Permohonan untuk Mendapatkan Notis Penghakiman), Mahkamah hendaklah mendengar permohonan itu secara sebelah pihak iaitu dengan kehadiran pihak pemiutang penghakiman sahaja.

4.2.2 Mahkamah setelah berpuas hati wujudnya tunggakan/hutang berdasarkan keterangan pemiutang penghakiman, hendaklah meluluskan permohonan pemiutang penghakiman dengan mengeluarkan Borang MS 43 (Saman Penghutang Penghakiman) atau Borang MS 45 (Notis Penghakiman) untuk tindakan penyampaian kepada penghutang penghakiman.

4.2.3 Penyampaian Borang MS 43 atau Borang MS 45 kepada penghutang penghakiman hendaklah disertakan dengan suatu peringatan kepada penghutang penghakiman untuk mengemukakan saksi dan bukti pada tarikh prosiding pendengaran kes yang telah ditetapkan.

4.2.4 Dalam prosiding kes Tuntutan/ Saman Penghutang Penghakiman, setelah penyampaian Borang MS 43 (Saman

Penghutang Penghakiman) dapat disempurnakan dan penghutang penghakiman hadir, Mahkamah hendaklah memeriksa penghutang penghakiman serta saksi dan bukti, seterusnya mengeluarkan perintah pada hari yang sama jika munasabah untuk berbuat demikian.

- 4.2.5 Sekiranya penyampaian Borang MS 43 (Saman Penghutang Penghakiman) dapat disempurnakan dan penghutang penghakiman tidak hadir, Mahkamah hendaklah memberikan pertimbangan sama ada mengeluarkan Waran Tangkap menurut perenggan 178(2)(a) atau membuat suatu perintah terhadap penghutang penghakiman menurut subseksyen 178(3).
- 4.2.6 Manakala dalam prosiding kes Notis Penghakiman, setelah penyampaian Borang MS 45 (Notis Penghakiman) dapat disempurnakan dan penghutang penghakiman hadir, Mahkamah hendaklah mendengar penghutang penghakiman dan membuat perintah terhadap penghutang penghakiman itu menurut seksyen 181 iaitu; mengeluarkan perintah pengkomitan atau mengubah perintah dalam kes Tuntutan/ Saman Penghutang Penghakiman yang berkenaan.
- 4.2.7 Sekiranya penyampaian Borang MS 45 (Notis Penghakiman) dapat disempurnakan dan penghutang penghakiman tidak hadir, Mahkamah hendaklah memberikan pertimbangan untuk mengeluarkan Waran Tangkap menurut perenggan 178(2)(a).






- 4.2.8 Dalam prosiding kes Notis Penghakiman, penghutang penghakiman hendaklah mengemukakan sebab tidak patut dikomitkan ke penjara. Kegagalan penghutang penghakiman mengemukakan sebab atau alasan yang munasabah boleh menyebabkan penghutang penghakiman dikomitkan ke penjara menurut seksyen 181 melalui Borang MS 46.
- 4.2.9 Sekiranya suatu perintah pengkomitan telah dibuat di bawah seksyen 181 –
- (a) penghutang penghakiman pada bila-bila masa sebelum menjalani perintah pengkomitan boleh membayar jumlah yang perlu dibayar sepetimana yang dinyatakan dalam perintah kepada bailif;
  - (b) sekiranya penghutang penghakiman telah ditahan di penjara, penghutang penghakiman boleh membayarnya kepada pegawai penjara; atau
  - (c) mana-mana pihak boleh membayar bagi pihak penghutang penghakiman yang berada di penjara kepada pemutang penghakiman.

Apa-apa pembayaran yang diterima sama ada oleh bailif atau pegawai penjara atau pemutang penghakiman hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar untuk direkodkan dan penghutang penghakiman boleh dilepaskan dari penjara.

- 4.2.10 Jika penghutang penghakiman menunaikan pembayaran kepada pemutang penghakiman, pemutang penghakiman hendaklah menyerahkan Perakuan Penunaian kepada Pendaftar (MS 47).
- 4.2.11 Sekiranya pemutang penghakiman ingkar menyerahkan Perakuan Penunaian, penghutang penghakiman boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengeluarkan Perintah Pelepasan (MS 48) kepada pegawai penjara dan mengenakan kos permohonan terhadap pemutang penghakiman.
- 4.2.12 Tindakan penutupan fail Saman Penghutang Penghakiman boleh dibuat apabila;
- i- Penghutang Penghakiman telah membayar tunggakan/ hutang;
  - ii- Penghutang Penghakiman yang dipenjarakan, menunaikan hutang tersebut pada bila-bila masa ketika hukuman pengkomitan berjalan; atau
  - iii- selesai pelaksanaan perintah pengkomitan.
- 4.3 Carta aliran kerja bagi pendengaran kes Tuntutan/ Saman Penghutang Penghakiman dan Notis Penghakiman adalah seperti di Lampiran A hingga D.

Lampiran A

**PROSES PENGURUSAN KES TUNTUTAN/ SAMAN PENGHUTANG  
PENGHAKIMAN – PENDAFTARAN KOD 037**  
**(Tanpa Diwakili Peguam)**

PIHAK YANG BERTANGUNGGJAWAB	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA	CATATAN
		MULA	
Pemutang Penghakiman		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memfailkan Borang MS 42 dan afidavit sebanyak 3 salinan</li> </ol>	
Petugas Kaunter		<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Menerima dan menyemak Borang MS 42 dan afidavit.</li> <li>3. Mendaftarkan kes menggunakan kod 037.</li> <li>4. Menetapkan tarikh sebutan di hadapan Hakim (pendengaran sebelah pihak)</li> <li>5. Mengeluarkan Notis Sebutan kepada Pemutang Penghakiman sahaja.</li> </ol>	Dokumen ekhibit: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah kes induk</li> <li>ii. Kad Pengenalan</li> <li>iii. Jadual bayaran / tunggakan</li> <li>iv. Pembuktian bayaran seperti penyata transaksi akaun (jika ada)</li> </ol>
Hakim/ Pendaftar		<ol style="list-style-type: none"> <li>6. Hakim/ Pendaftar* menyiasat/ memastikan permohonan Pemutang Penghakiman di Borang MS 42.</li> <li>7. Menentukan jumlah hutang.</li> <li>8. Membenarkan pengeluaran Borang MS 43 (SPP).</li> </ol> <p>*Tertakluk kepada kuasa yang diberikan oleh undang-undang bertulis negeri berkenaan</p>	Pastikan: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. perintah disampaikan kepada Penghutang Penghakiman;</li> <li>ii. Penghutang Penghakiman tidak mematuhi perintah; dan</li> <li>iii. jumlah sebenar yang terhutang.</li> </ol>
Pembantu Hakim		<ol style="list-style-type: none"> <li>9. Menjana Borang MS 43 sebanyak 4 salinan.</li> <li>10. Mendapatkan tandatangan Hakim/ Pendaftar dan meterai.</li> </ol>	






**PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/  
PASCA PERBICARAAN**

Penghantar Notis	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; 11[11]     11 --&gt; 12[12]     12 --&gt; 13{13}     13 -- "Tidak hadir" --&gt; 15[15]     13 -- "Hadir" --&gt; 14[14]     14 -- "Waran tangkap &amp; hadir" --&gt; 15     15 --&gt; 16[16]     16 -- "Perintah" --&gt; 17[17]     17 --&gt; B(( ))   </pre>	<p>11. Membuat penyampaian dokumen kepada Penghutang Penghakiman.:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Borang MS 43</li> <li>ii. Perintah kes induk</li> <li>iii. Nota peringatan untuk mengemukakan saksi dan bukti.</li> </ul> <p>12. Membuat laporan penyampaian</p>	Borang MS 42 & afidavit sokongan tidak dihantar kepada Penghutang Penghakiman kerana kemungkinan berlaku perubahan jumlah hutang. Selain itu, menutup ruang pemfailan afidavit jawapan oleh Penghutang Penghakiman.
Hakim	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; 11[11]     11 --&gt; 12[12]     12 --&gt; 13{13}     13 -- "Tidak hadir" --&gt; 15[15]     13 -- "Hadir" --&gt; 14[14]     14 -- "Waran tangkap &amp; hadir" --&gt; 15     15 --&gt; 16[16]     16 -- "Perintah" --&gt; 17[17]     17 --&gt; B(( ))   </pre>	<p>13. Merekodkan kehadiran pihak-pihak.</p> <p>14. Jika penghutang tidak hadir, Mahkamah boleh membuat pertimbangan sama ada mengeluarkan Waran Tangkap (178(2)(a)) atau membuat perintah SPP (178(2)(b)).</p> <p>15. Membuat pemeriksaan terhadap Penghutang Penghakiman (mendengar keterangan penghutang &amp; saksi) bermula dengan pihak memberikan keterangan kepada Mahkamah berkaitan dengan jumlah hutang dan kemampuan pembayaran terhadap hutang tersebut.</p> <p>16. Mengeluarkan perintah bayaran secara ansuran atau bayaran penuh sekali gus (sek.178)</p>	<p>Waran dikeluarkan Tangkap oleh Mahkamah</p> <p>Tujuan hadir adalah untuk Mahkamah siasat kemampuan Penghutang Penghakiman dalam membayar tunggakan dan Mahkamah boleh mengarahkan Penghutang Penghakiman untuk membuktikan pendapatan.</p> <p>Jika Penghutang Penghakiman bersetuju dengan jumlah tunggakan, Hakim akan sahkan tunggakan dan periksa kemampuan Penghutang Penghakiman. Sekiranya Penghutang Penghakiman tidak bersetuju, Hakim arah kemukakan bukti bayaran dan periksa kemampuan.</p>
Pembantu Hakim	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; 11[11]     11 --&gt; 12[12]     12 --&gt; 13{13}     13 -- "Tidak hadir" --&gt; 15[15]     13 -- "Hadir" --&gt; 14[14]     14 -- "Waran tangkap &amp; hadir" --&gt; 15     15 --&gt; 16[16]     16 -- "Perintah" --&gt; 17[17]     17 --&gt; B(( ))   </pre>	<p>17. Menyediakan draf perintah dan menjana perintah bersih serta mendapatkan tandatangan Hakim/ Pendaftar.</p>	
Penghantar Notis/ Bailif BSK	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; 11[11]     11 --&gt; 12[12]     12 --&gt; 13{13}     13 -- "Tidak hadir" --&gt; 15[15]     13 -- "Hadir" --&gt; 14[14]     14 -- "Waran tangkap &amp; hadir" --&gt; 15     15 --&gt; 16[16]     16 -- "Perintah" --&gt; 17[17]     17 --&gt; B(( ))   </pre>	<p>18. Serahan perintah.</p>	Serahan perintah kepada Penghutang Penghakiman yang tidak hadir semasa keputusan.
		TAMAT	

Lampiran B

**PROSES PENGURUSAN KES TUNTUTAN/ SAMAN PENGHUTANG  
PENGHAKIMAN - PENDAFTARAN KOD 037**

**(Diwakili Peguam)**


PIHAK YANG BERTANGUNGGJAWAB	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA	CATATAN
		<b>MULA</b>	
Peguam Pemutang Penghakiman		<ol style="list-style-type: none"> <li>Memfailkan Borang MS 42 dan afidavit sebanyak 3 salinan</li> </ol>	
Petugas Kaunter		<ol style="list-style-type: none"> <li>Menerima dan menyemak Borang MS 42 dan afidavit.</li> <li>Mendaftarkan kes menggunakan kod 037.</li> <li>Menetapkan tarikh sebutan di hadapan Hakim (pendengaran sebelah pihak)</li> <li>Mengeluarkan Notis Sebutan kepada Pemutang Penghakiman sahaja.</li> </ol>	Dokumen ekhibit: <ol style="list-style-type: none"> <li>Perintah kes induk</li> <li>Kad Pengenalan</li> <li>Jadual bayaran / tunggakan</li> <li>Pembuktian bayaran seperti penyata transaksi akaun (jika ada)</li> </ol>
Hakim/ Pendaftar		<ol style="list-style-type: none"> <li>Hakim/ Pendaftar* menyiasat/ memastikan permohonan Pemutang Penghakiman di Borang MS 42</li> <li>Menentukan jumlah hutang.</li> <li>Memberarkan pengeluaran Borang MS 43 (SPP).</li> </ol> <p>*Tertakluk kepada kuasa yang diberikan oleh undang-undang bertulis negeri berkenaan</p>	Pastikan: <ol style="list-style-type: none"> <li>Perintah disampaikan kepada Penghutang Penghakiman;</li> <li>Penghutang Penghakiman tidak mematuhi perintah; dan</li> <li>jumlah sebenar yang terhutang.</li> </ol>
Hakim/ Pendaftar		<ol style="list-style-type: none"> <li>Menandatangani Borang MS 43.</li> </ol>	

**PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/  
PASCA PERBICARAAN**

Peguam Pemutang Penghakiman	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; 10[10]     10 --&gt; 11[11]     11 --&gt; 14[14]     11 --&gt; D12{12}     D12 -- "Tidak hadir" --&gt; 13[13]     13 -- "Waran tangkap &amp; hadir" --&gt; 14     14 --&gt; 15[15]     15 --&gt; TAMAT(( ))   </pre>	10. Membuat penyampaian dokumen kepada Penghutang Penghakiman: i. Borang MS 43 ii. Perintah kes induk iii. Nota peringatan untuk mengemukakan saksi dan bukti.  11. Memfaikkan laporan penyampaian	Borang MS 42 & afidavit sokongan tidak dihantar kepada Penghutang Penghakiman kerana kemungkinan berlaku perubahan jumlah hutang. Selain itu, menutup ruang pemfailan afidavit jawapan oleh Penghutang Penghakiman.
Hakim	<pre> graph TD     D12{12} -- "Hadir" --&gt; 14[14]     14 --&gt; 15[15]     15 --&gt; TAMAT(( ))     D12 -- "Tidak hadir" --&gt; 13[13]     13 -- "Waran tangkap &amp; hadir" --&gt; 14     14 --&gt; 15     15 --&gt; TAMAT   </pre>	12. Merekodkan kehadiran pihak-pihak.  13. Jika Penghutang Penghakiman tidak hadir, Mahkamah boleh membuat pertimbangan sama ada mengeluarkan Waran Tangkap (178(2)(a)) atau membuat perintah SPP (178(2)(b)).  14. Membuat pemeriksaan terhadap Penghutang Penghakiman (mendengar keterangan penghutang & saksi) bermula dengan pihak memberikan keterangan kepada Mahkamah berkaitan dengan jumlah hutang dan kemampuan pembayaran terhadap hutang tersebut.  15. Mengeluarkan perintah bayaran secara ansuran atau bayaran penuh sekali gus (sek.178)	Waran dikeluarkan Tangkap oleh Mahkamah  Tujuan hadir adalah untuk Mahkamah siasat kemampuan Penghutang Penghakiman dalam membayar tunggakan dan Mahkamah boleh mengarahkan penghutang untuk membuktikan pendapatan.  Jika Penghutang Penghakiman bersetuju dengan jumlah tunggakan, Hakim akan sahkan tunggakan dan periksa kemampuan Penghutang Penghakiman. Sekiranya penghutang tidak bersetuju, Hakim arah kemukakan bukti bayaran dan periksa kemampuan.
Peguam Pemutang Penghakiman	16	16. Memfaikkan draf perintah dan mendapatkan perintah bersih yang telah ditandatangani Hakim/ Pendaftar.	
Penghantar Notis/ bailif	17	17. Serahan perintah.	Serahan perintah kepada Penghutang Penghakiman yang tidak hadir semasa keputusan.
		TAMAT	

Lampiran C

**PROSES PENGURUSAN KES NOTIS PENGHAKIMAN  
– PENDAFTARAN KOD 076  
(Tanpa Diwakili Peguam)**


PIHAK YANG BERTANGUNGGJAWAB	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA	CATATAN
		<b>MULA</b>	
Pemutang Penghakiman	1	1. Memfailkan Borang MS 44 dan afidavit sebanyak 2 salinan	
Petugas Kaunter	2 3 4 5	2. Menerima dan menyemak Borang MS 44 dan afidavit. 3. Mendaftarkan kes menggunakan kod 076. 4. Menetapkan tarikh sebutan di hadapan Hakim (pendengaran sebelah pihak) 5. Mengeluarkan Notis Sebutan kepada Pemutang Penghakiman sahaja.	Dokumen ekshibit: i. Perintah kes induk & SPP ii. Kad Pengenalan iii. Jadual bayaran / tunggakan iv. Pembuktian bayaran seperti penyata transaksi akaun (jika ada)
Hakim/ Pendaftar	6 7 8	6. Hakim/ Pendaftar* menyiasat/ memastikan permohonan Pemutang Penghakiman di Borang MS 44 7. Menentukan jumlah hutang. 8. Membenarkan pengeluaran Borang MS 45 (NP).	Hakim boleh menandatangani MS 45 berdasarkan subseksyen 209(2).
Pembantu Hakim	9 10	9. Menjana Borang MS 45 sebanyak 4 salinan. 10. Mendapatkan tandatangan Hakim/ Pendaftar dan meterai.	
Penghantar Notis	11 12	11. Membuat penyampaian dokumen kepada Penghutang Penghakiman: i. Borang MS 45 ii. Perintah kes induk iii. Nota peringatan untuk mengemukakan saksi dan bukti 12. Membuat laporan penyampaian	Borang MS 44 & afidavit sokongan tidak dihantar kepada Penghutang Penghakiman kerana kemungkinan berlaku perubahan jumlah hutang. Selain itu, menutup ruang pemfailan afidavit jawapan oleh Penghutang Penghakiman.

**PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/  
PASCA PERBICARAAN**

Hakim	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; D13{13}     D13 -- "Tidak hadir" --&gt; B14[14]     B14 --&gt; D15{15}     D15 -- "Hadir" --&gt; D15     D15 --&gt; D16{16}     D16 -- "Ubah perintah" --&gt; B16[16]     B16 --&gt; D16     D16 -- "komit" --&gt; B16     B16 --&gt; B17[17]     B17 --&gt; B18[18]     B18 --&gt; B(( ))   </pre>	<p>13. Merekodkan kehadiran pihak-pihak.</p> <p>14. Mengeluarkan waran tangkap sekiranya Penghutang Penghakiman tidak hadir.</p> <p>15. Mendengar keterangan pihak Penghutang Penghakiman (sebab mengapa tidak patut dikomit ke penjara).</p> <p>16. Mengeluarkan perintah pengkomitan (sekiranya Mahkamah menolak tunjuk sebab) ATAU mengubah perintah SPP yang berkenaan.</p>	<p>Waran tangkap dijana oleh Pembantu Hakim dan ditandatangani oleh Hakim.</p> <p>Waran tangkap dikeluarkan atas kegagalan Penghutang Penghakiman untuk hadir bagi memberi peluang kepadanya untuk tunjuk sebab.</p>
Pembantu Hakim	<pre> graph TD     B17[17] --&gt; B18[18]     B18 --&gt; B(( ))   </pre>	<p>17. Menyediakan draf perintah pengkomitan dan menjana perintah bersih pengkomitan (MS 46) serta mendapatkan tandatangan Hakim/ Pendaftar atau menyediakan perintah SPP yang diubah</p>	
Bailif	<pre> graph TD     B18[18] --&gt; B(( ))   </pre>	<p>18. Pelaksanaan pengkomitan – Penghutang Penghakiman dihantar oleh bailif ke penjara yang ditentukan (tidak lebih daripada 30 hari).</p>	<p>Penghutang Penghakiman pada bila-bila masa boleh membayar jumlah tunggakan yang perlu dilunaskannya sepetimana yang dinyatakan dalam perintah. Pembayaran boleh dibuat kepada bailif sebelum menjalani perintah pengkomitan.</p>
Hakim/ Pendaftar	<pre> graph TD     B19[19] --&gt; B20[20]     B20 --&gt; B(( ))   </pre>	<p>19. Jika Penghutang Penghakiman menunaikan pembayaran kepada Pemiutang Penghakiman, Pemiutang Penghakiman hendaklah menyerahkan Perakuan Penunaian kepada Pendaftar Mahkamah (MS 47).</p> <p>20. Sekiranya Pemiutang Penghakiman ingkar menyerahkan Perakuan Penunaian, Penghutang Penghakiman boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengeluarkan Perintah Pelepasan (MS 48) kepada pegawai penjara dan mengenakan kos permohonan terhadap Pemiutang Penghakiman.</p> <p>TAMAT</p>	<p>Sekiranya Penghutang Penghakiman telah ditahan dalam penjara, dia boleh membayarnya kepada pegawai penjara.</p> <p>Mana-mana pihak boleh membayar bagi pihak Penghutang Penghakiman yang berada di penjara kepada Pemiutang Penghakiman. Apa-apa pembayaran yang diterima sama ada oleh bailif atau pegawai penjara atau Pemiutang Penghakiman hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar untuk direkodkan dan Penghutang Penghakiman boleh dilepaskan dari penjara.</p> <p>Penghutang Penghakiman boleh memfailkan permohonan melalui mana-mana orang atau wakilnya termasuk peguam.</p>

Lampiran D

**PROSES PENGURUSAN KES NOTIS PENGHAKIMAN  
– PENDAFTARAN KOD 076  
(Diwakili Peguam)**

PIHAK YANG BERTANGUNGGJAWAB	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA	CATATAN
		<b>MULA</b>	
Peguam Pemutang Penghakiman		<ol style="list-style-type: none"> <li>Memfailkan Borang MS 44 dan afidavit sebanyak 3 salinan</li> </ol>	
Petugas Kaunter		<ol style="list-style-type: none"> <li>Menerima dan menyemak Borang MS 44 dan afidavit.</li> <li>Mendaftarkan kes menggunakan kod 076.</li> <li>Menetapkan tarikh sebutan di hadapan Hakim (pendengaran sebelah pihak)</li> <li>Mengeluarkan Notis Sebutan kepada Pemutang Penghakiman sahaja.</li> </ol>	Dokumen ekshibit: <ol style="list-style-type: none"> <li>Perintah kes induk &amp; SPP</li> <li>Kad Pengenalan</li> <li>Jadual bayaran / tunggakan</li> <li>Pembuktian bayaran seperti penyata transaksi akaun (jika ada)</li> </ol>
Hakim/ Pendaftar		<ol style="list-style-type: none"> <li>Hakim/ Pendaftar* menyiasat/ memastikan permohonan Pemutang Penghakiman di Borang MS 44</li> <li>Menentukan jumlah hutang.</li> <li>Mbenarkan pengeluaran Borang MS 45 (NP).</li> </ol> <p><i>*Tertakluk kepada kuasa yang diberikan oleh undang-undang bertulis negeri berkenaan</i></p>	Hakim boleh menandatangani MS 45 berdasarkan subseksyen 209(2).
Peguam Penghutang Penghakiman		<ol style="list-style-type: none"> <li>Memfailkan Borang MS 45 sebanyak 4 salinan untuk ditandatangani oleh Hakim/ Pendaftar dan meterai Mahkamah salinan.</li> <li>Membuat penyampaian dokumen kepada Penghutang Penghakiman: <ol style="list-style-type: none"> <li>Borang MS 45</li> <li>Perintah kes induk</li> <li>Nota peringatan untuk mengemukakan saksi dan bukti</li> </ol> </li> <li>Memfailkan laporan penyampaian</li> </ol>	Borang MS 44 & afidavit sokongan tidak diantar kepada Penghutang Penghakiman kerana kemungkinan berlaku perubahan jumlah hutang. Selain itu, menutup ruang pemfailan afidavit jawapan oleh Penghutang Penghakiman.

**PRA PERBICARAAN/ PERBICARAAN/  
PASCA PERBICARAAN**

Hakim/ Pendaftar	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; D12{12}     D12 -- "Tidak hadir" --&gt; B13[13]     D12 -- "Hadir" --&gt; B14[14]     B14 --&gt; D15{15}     D15 -- "Ubah perintah" --&gt; B15[15]     D15 -- "komit" --&gt; B15     B15 --&gt; B16[16]     B16 --&gt; B17[17]     B17 --&gt; B18[18]     B18 --&gt; B19[19]     B19 --&gt; End(( ))   </pre>	<p>12. Merekodkan kehadiran pihak-pihak.</p> <p>13. Mengeluarkan waran tangkap sekiranya Penghutang Penghakiman tidak hadir.</p> <p>14. Mendengar keterangan pihak Penghutang Penghakiman (sebab mengapa tidak patut dikomit ke penjara).</p> <p>15. Mengeluarkan perintah pengkomitan (sekiranya Mahkamah menolak tunjuk sebab) ATAU mengubah perintah SPP yang berkenaan.</p>	<p>Waran tangkap dijana oleh Pembantu Hakim dan ditandatangani oleh Hakim.</p> <p>Waran tangkap dikeluarkan atas kegagalan Penghutang Penghakiman untuk hadir bagi memberi peluang kepadanya untuk tunjuk sebab.</p>
Peguam Pembiutang Penghakiman	<pre> graph TD     B16[16] --&gt; B17[17]     B17 --&gt; B18[18]     B18 --&gt; B19[19]     B19 --&gt; End(( ))   </pre>	<p>16. Memfailkan draf perintah pengkomitan dan mendapatkan perintah bersih pengkomitan (MS 46) yang telah ditandatangani Hakim/ Pendaftar atau memfailkan draf perubahan perintah dan mendapatkan perintah bersih yang telah ditandatangani Hakim/ Pendaftar</p>	
Bailif	<pre> graph TD     B17[17] --&gt; B18[18]     B18 --&gt; B19[19]     B19 --&gt; End(( ))   </pre>	<p>17. Pelaksanaan pengkomitan – Penghutang Penghakiman dihantar oleh bailif ke penjara yang ditentukan (tidak lebih daripada 30 hari).</p>	<p>Penghutang Penghakiman pada bila-bila masa boleh membayar jumlah tunggakan yang perlu dilunaskannya sepetimana yang dinyatakan dalam perintah. Pembayaran boleh dibuat kepada bailif sebelum menjalani perintah pengkomitan.</p>
Hakim/ Pendaftar	<pre> graph TD     B18[18] --&gt; B19[19]     B19 --&gt; End(( ))   </pre> <p style="text-align: center;">TAMAT</p>	<p>18. Jika Penghutang Penghakiman menunaikan pembayaran kepada pembiutang penghakiman, Pembiutang Penghakiman hendaklah menyerahkan Perakuan Penunaian kepada Pendaftar Mahkamah (MS 47).</p> <p>19. Sekiranya pembiutang penghakiman ingkar menyerahkan Perakuan Penunaian, Penghutang Penghakiman boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengeluarkan Perintah Pelepasan (MS 48) kepada pegawai penjara dan mengenakan kos permohonan terhadap Pembiutang Penghakiman.</p>	<p>Sekiranya Penghutang Penghakiman telah ditahan dalam penjara, dia boleh membayarnya kepada pegawai penjara.</p> <p>Mana-mana pihak boleh membayar bagi pihak Penghutang Penghakiman yang berada di penjara kepada pembiutang penghakiman. Apakah pembayaran yang diterima sama ada oleh bailif atau pegawai penjara atau Pembiutang Penghakiman hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar untuk direkodkan dan Penghutang Penghakiman boleh dilepaskan dari penjara.</p> <p>Penghutang Penghakiman boleh memfailkan permohonan melalui mana-mana orang atau wakilnya termasuk peguam.</p>



## جابتنه حاکیم شرعیة ملیسیا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
*Department Of Syariah Judiciary Malaysia*  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(75)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

### ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2021

#### **PENERIMAAN NASIHAT DARIPADA PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT YANG DIWARTAKAN SEBAGAI PEGAWAI PELINDUNG/ PEGAWAI AKHLAK ATAU PAKAR DARIPADA AGENSI YANG BERKAITAN SEBELUM MAHKAMAH MEMBUAT PERINTAH MENGENAI JAGAAN (HADHANAH) ATAU NAFKAH SEORANG KANAK-KANAK.**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Penerimaan Nasihat oleh Mahkamah Syariah daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diwartakan sebagai Pegawai Pelindung/ Pegawai Akhlak atau Pakar daripada Agensi yang Berkaitan Sebelum Mahkamah Membuat Perintah Mengenai Jagaan (Hadhanah) atau Nafkah Seorang Kanak-Kanak.

2. Nasihat yang dimaksudkan adalah dalam bentuk Laporan Akhlak/ Laporan Pelindung/ Laporan Sosial yang dikemukakan oleh Pegawai Pelindung/ Pegawai Akhlak yang dipohon oleh Mahkamah sebelum Mahkamah membuat sesuatu keputusan mengenai jagaan (hadhanah) atau nafkah seseorang kanak-kanak.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
**PUTRAJAYA**



## جابتنه حاکیم شرعیة ملیسیا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Department Of Syariah Judiciary Malaysia  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(76)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

### **ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2021**

### **TAMBAHAN KOD DEWAN MAHKAMAH SYARIAH**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Tambahan Kod Dewan Mahkamah Syariah seperti di lampiran.

2. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000, Arahan Amalan No. 7 Tahun 2007, Arahan Amalan No. 3 Tahun 2013, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2015, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2016 dan Arahan Amalan No. 12 Tahun 2019.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

  
**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA

<b>SABAH</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Dewan Mahkamah</b>
1.	12011	Mahkamah Rendah Syariah Lahad Datu
2.	12012	Mahkamah Rendah Syariah Semporna
3.	12013	Mahkamah Rendah Syariah Ranau
4.	12014	Mahkamah Rendah Syariah Kota Kinabalu (Dewan 2)
5.	12015	Mahkamah Rendah Syariah Kota Kinabalu (Dewan 3)
6.	12100	Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu (Dewan 1)
7.	12700	Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu (Dewan 2)
<b>PERAK</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Dewan Mahkamah</b>
1.	0800S	Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak
2.	08004	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Muallim
3.	08504	Mahkamah Tinggi Rayuan dari MRS Muallim
<b>JOHOR</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Dewan Mahkamah</b>
1.	01100	Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru
2.	01300	Mahkamah Tinggi Rayuan dari MRS Zon Utara
3.	01400	Mahkamah Tinggi Rayuan dari MRS Zon Tengah
4.	01500	Mahkamah Tinggi Rayuan dari MRS Zon Selatan
5.	01700	Mahkamah Tinggi Syariah Kluang
6.	01010	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tangkak
7.	01011	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kulai
<b>MELAKA</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Dewan Mahkamah</b>
1.	04400	Mahkamah Tinggi Syariah Alor Gajah

2.	04600	Mahkamah Tinggi Syariah Jasin
3.	04007	Mahkamah Rendah Syariah Masjid Tanah

**PULAU PINANG**

<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Dewan Mahkamah</b>
1.	07001	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut (Dewan 1)
2.	07002	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Utara (Dewan 1)
3.	07003	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Tengah (Dewan 1)
4.	07004	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya (Dewan 1)
5.	07005	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Selatan
6.	07006	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut (Dewan 2)
7.	07007	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Utara (Dewan 2)
8.	07008	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Tengah (Dewan 2)
9.	07009	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya (Dewan 2)

**PAHANG**

<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Dewan Mahkamah</b>
1.	06200	Mahkamah Tinggi Syariah Bentong
2.	06600	Mahkamah Tinggi Syariah Temerloh
3.	06501	Mahkamah Tinggi Rayuan dari MRS 2
4.	06502	Mahkamah Tinggi Rayuan dari MRS 3

**KEDAH**

<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Dewan Mahkamah</b>
1.	02012	Mahkamah Rendah Syariah Pokok Sena
2.	02013	Mahkamah Rendah Syariah Kota Setar (Dewan 2)
3.	02014	Mahkamah Rendah Syariah Kuala Muda (Dewan 2)

<b>SELANGOR<sup>1</sup></b>		
<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Dewan Mahkamah</b>
1.	10032	MRS Daerah Hulu Selangor (Dewan 2)
2.	10033	MRS Daerah Kuala Selangor (Dewan 2)
3.	10034	MRS Daerah Sabak Bernam (Dewan 2)
<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Dewan Mahkamah</b>
1.	14101	Mahkamah Tinggi Syariah (Hadhanah)
2	14014	Mahkamah Rendah Syariah (Nafkah)

<sup>1</sup> Arahan Amalan No. 1 Tahun 2016 berkaitan dengan kod dewan MRS Daerah Hulu Selangor (Dewan 2) 10031, MRS Daerah Kuala Selangor (Dewan 2) 10032 dan MRS Daerah Sabak Bernam (Dewan 2) 10033 adalah dibatalkan.



## جابتنه حاکیم شرعیة ملیسیا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
*Department Of Syariah Judiciary Malaysia*  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(77)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

### ARAHAN AMALAN NO. 12 TAHUN 2021

#### **GARIS PANDUAN PENGENDALIAN WAKALAH PEGUAM SYARIE/ AFIDAVIT BAGI KES MAL MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Pengendalian *Wakalah Peguam Syarie/ Afidavit bagi Kes Mal* melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh sepetimana di lampiran.

2. Arahan Amalan No. 5 Tahun 2014: Proses *Wakalah* Peguam Syarie bagi Pihak-Pihak yang Berada di Luar Negeri atau Luar Negara atau dalam Keadaan-Keadaan Tertentu secara Sidang Video atau Apa-Apa Aplikasi yang Dibenarkan oleh Mahkamah adalah dibatalkan bagi kes *mal*.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**

Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

**PUTRAJAYA**

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN WAKALAH PEGUAM SYARIE/  
AFIDAVIT BAGI KES *MAL* MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI  
JARAK JAUH**

**1. PENDAHULUAN**

Garis Panduan Wakalah Peguam Syarie/ Afidavit bagi Kes *Mal* Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh diguna pakai bagi menyelaras dan menyeragam proses pentadbiran di Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

**2. PEMAKAIAN**

Garis Panduan ini adalah terpakai kepada semua kes *mal* dan tanpa had, sama ada Peguam Syarie/ pihak-pihak berada di dalam atau luar negara.

**3. PENGENDALIAN WAKALAH PEGUAM SYARIE/ AFIDAVIT MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

3.1 Peguam Syarie/ pihak-pihak menghubungi Pendaftar yang berbidang kuasa bagi urusan pembacaan wakalah/ afidavit melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh.

3.2 Peguam Syarie/ pihak-pihak memastikan lokasi yang bersesuaian dan menjaga kesopanan serta batas-batas Syarak.

- 3.3 Pihak-pihak membaca *wakalah/ afidavit* melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh.
  
  
  
  
  
  
- 3.4 Pihak-pihak menandatangani dokumen *wakalah/ afidavit* dalam bentuk *Portable Document Format (PDF)*.
- 3.5 Pihak-pihak menghantar dokumen *wakalah/ afidavit* dalam bentuk PDF kepada Pendaftar untuk ditandatangani.
- 3.6 Pendaftar menandatangani dokumen *wakalah/ afidavit* melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh yang dikemukakan oleh pihak-pihak.
- 3.7 Pendaftar mengembalikan dokumen *wakalah/ afidavit* yang telah lengkap ditandatangani kepada pihak-pihak.

**-Tamat-**



# جابتنه حاکیم شرعیة ملیسیا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Department Of Syariah Judiciary Malaysia  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(78)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

## ARAHAN AMALAN NO. 13 TAHUN 2021

### PENYERAHAN NOTIS RAYUAN DAN TEMPOH WAKALAH PEGUAM SYARIE PERAYU/ RESPONDEN BAGI KES YANG DIRAYU ATAU DISEMAK

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Penyerahan Notis Rayuan dan Tempoh Wakalah Peguam Syarie Perayu/ Responden bagi Kes yang Dirayu atau Disemak seperti berikut:

- i. Apabila sesuatu keputusan kes dirayu ke Mahkamah yang lebih tinggi (Mahkamah Tinggi Syariah/ Mahkamah Rayuan Syariah/ Mahkamah Utama Syariah) dan sekiranya pihak atau pihak-pihak tersebut diwakili oleh Peguam Syarie semasa prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu, Wakalah Peguam Syarie tersebut adalah disifatkan sebagai masih lagi berkuat kuasa setakat proses pemfailan, penyerahan dan/ atau penerimaan Notis Rayuan kerana ia adalah

sambungan kepada prosiding kes asal di Mahkamah tersebut.

*Huraian:* Perkataan “.....dalam prosiding yang berhubungan dengannya.” dalam Borang Wakalah Peguam Syarie (MS 5) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-Negeri bererti setakat proses pemfailan, penyerahan dan/ atau penerimaan Notis Rayuan yang berkaitan dengan kes asal (yang dirayu).

- ii. Notis Rayuan dalam Borang MS 29 hendaklah difailkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari keputusan itu diumumkan, bersekali dengan salinan *Wakalah* Peguam Syarie dalam prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu (untuk rekod pentadbiran).
- iii. Melainkan sekiranya Perayu berhasrat melantik Peguam Syarie yang baharu dan melepaskan Peguam Syarie terdahulu dalam prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu, maka Notis Rayuan (Borang MS 29) hendaklah difailkan bersekali dengan *Wakalah* Peguam Syarie (Borang MS 5) yang baharu dilantik itu yang telah disempurnakan berdasarkan subseksyen 34(1) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, berserta Notis Pelepasan Peguam Syarie (Borang MS 7) dalam tempoh yang dihadkan.
- iv. Notis Rayuan (Borang MS 29) yang telah difailkan tersebut hendaklah disampaikan sama ada kepada semua pihak yang terlibat dengan rayuan tersebut atau melalui Peguam Syarie (Responden) yang mewakili pihak atau pihak-pihak dalam prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu.

- v. Sekiranya Peguam Syarie (Responden) yang mewakili pihak atau pihak-pihak dalam prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu telah menerima salinan Notis Rayuan tersebut dan tidak berhasrat mewakili anak guamnya dalam kes rayuan tersebut, maka Peguam Syarie itu hendaklah memfailkan Notis Penarikan Diri Peguam Syarie (Borang MS 8) dan menyampaikan suatu salinan notis kepada pihak yang diwakilinya.
2. Arahan Amalan No. 2 Tahun 2004: Penggunaan *Wakalah* adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
**PUTRAJAYA**



## جابتنه كهاكيم شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
*Department Of Syariah Judiciary Malaysia*  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(79)  
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H  
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

### ARAHAN AMALAN NO. 14 TAHUN 2021

#### PEMAKAIAN FORMAT PERINTAH FARAIID BAGI KES PERMOHONAN PUSAKA BERLAPIS (*AL-MUNASAKHAT*)

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Pemakaian Format Perintah Faraid bagi Kes Permohonan Pusaka Berlapis (*Al-Munasakhat*) seperti di lampiran.

2. Format perintah yang dikeluarkan Mahkamah hendaklah mengandungi:

- i. Nama penuh dan maklumat lengkap (No. Kad Pengenalan/ No. Sijil Kematian/ Tarikh Mati) kesemua si mati;
